

# Mahkamah Tinggi benar Najib periksa barang disita

BH - 11/6/2020 m/s: 16

## Beg tangan mewah didakwa rosak ditanda pihak polis

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Beg tangan mewah yang disita dari premis milik Obyu Holdings Sdn Bhd dua tahun lalu, didakwa mengalami kerosakan ketika ditanda pihak polis yang melakukan rampasan.

Barangan disita itu didakwa ada kaitan dengan skandal penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Kerosakan terbahit disedari ketika Datin Seri Rosmah Mansor dan peguamnya melakukan pemeriksaan ke atas barangan yang disita pada 22 Februari lalu di Bank Negara Malaysia (BNM), membabitkan permohonan pendakwa raya melucut hak harta dalam kes berasingan.

Pada prosiding permohonan melucut hak harta semalam, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Datuk Seri Najib Razak selaku pihak ketiga memberitahu Mahkamah Tinggi, beg berharga jutaan ringgit itu rosak kerana ditanda secara terus ke atasnya menggunakan 'magic ink' (pen berwarna).

Menurut peguam itu, semua

barangan dirampas tidak ditanda dengan lengkap, malah proses penyitaan dilakukan secara tidak teratur yang mana anak guamnya tidak diberi peluang berada bersama ketika proses berlangsung.

Beliau mendakwa kerosakan ke atas barangan membabitkan tindakan salah laku pihak berkuasa dan pihaknya mahu mengetahui secara terperinci apa yang berlaku untuk dikemukakan kepada pihak ketiga.

Muhammad Shafie mendakwa pihak berkuasa cuai dan mengambil tindakan tidak acuh terhadap barangan terbabit, walaupun diketahui ia membabitkan nilai sangat tinggi.

Sehubungan itu, beliau berkata, permohonan anak guamnya untuk memeriksa secara fizikal barangan berkenaan wajar dibenarkan oleh mahkamah.



**Keratan akhbar BH** - 23 Februari lalu.

Menjawab dakwaan itu, Timbalan Pendakwa Raya Faten Hadni Khairuddin, berkata tuduhan ke atas pihak berkuasa mengenai kerosakan itu adalah dakwaan yang serius.

Faten Hadni berkata, pihaknya membantah permohonan itu kerana barangan yang disita membabitkan nilai yang sangat tinggi dan wujud isu keselamatan.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin, membenarkan permohonan Najib memeriksa barangan itu yang membabitkan beg tangan mewah, jam, aksesori dan kaca mata.

Hakim membuat keputusan itu selepas mendapati faktor keselamatan bukan isu dalam permohonan Najib memeriksa barangan itu melalui prosiding permohonan melucut hak harta

yang dikemukakan kerajaan.

Muhammad Jamil mengarahkan pemeriksaan dilakukan bersama-sama dengan dua lagi permohonan, iaitu yang difailkan oleh Rosmah dan syarikat pemborong barangan kemas dari Lubnan, Global Royalty Trading SAL (Global Royalty), kedua-duanya selaku pihak ketiga.

Bagaimanapun, jika pemeriksaan sukar dilakukan bersama berikutan pintu sempadan masih ditutup dan wakil Global Royalty tidak dapat datang ke negara ini, hakim mengarahkan pemeriksaan membabitkan barangan kemas dilakukan bersama, manakala barangan lain diperiksa Najib dan Rosmah terlebih dulu.

Bagi permohonan Najib, Muhammad Jamil membenarkan bekas perdana menteri itu memeriksa sendiri barangan itu bersama-sama dua peguamnya, manakala Rosmah sebelum ini dibenarkan membuat pemeriksaan ditemani seorang peguam.

Terdahulu, Faten Hadni memberitahu mahkamah, permohonan Rosmah melakukan pemeriksaan tidak dapat dilaksanakan pihak kerajaan selaku pemohon berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sehubungan itu, hakim Muhammad Jamil mengarahkan pendakwa, Rosmah dan Global Royalty membuat permohonan lanjutan masa pelaksanaan perintah mahkamah dengan kadar segera.